

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. ONG KIAN MING [BANGI]**
TARIKH : **30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengalakkan sektor insurans dinegara ini untuk memperkanalkan produk insurans yang baru yang melibatkan perlindungan insurans COVID-19 seperti perlindungan gangguan perniagaan (*business interruption*) akibat daripada COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Perlindungan “*Business Interruption, BI*” yang sedia ada di Malaysia kebiasaannya ditawarkan sebagai tambahan (“*add-on*”) kepada polisi insurans kebakaran dan meliputi gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kejadian seperti banjir, kilat, kebakaran dan/ atau kerosakan yang berlaku di premis perniagaan atau pejabat.

2. Kerugian yang diakibatkan oleh gangguan perniagaan yang berpunca daripada perintah berkurang (contoh: kuarantin atau perintah kawalan pergerakan) kerana wabak COVID-19 lazimnya tidak termasuk sebagai risiko yang dilindungi di bawah polisi insurans BI yang sedia ada di Malaysia, sama seperti di negara-negara lain. Ini disebabkan oleh kesukaran untuk menilai kebarangkalian dan potensi tahap kerugian risiko, serta kekurangan sokongan penanggung insurans semula.

3. Bagi menyokong pembukaan semula ekonomi dan aktiviti ekonomi, pihak Kerajaan, Bank Negara Malaysia serta industri insurans dan takaful sedang mengkaji langkah untuk menggalakkan penawaran insurans BI berkaitan risiko pandemik atau endemik di Malaysia. Ini mungkin melibatkan perkongsian risiko antara pihak Kerajaan dan pihak swasta untuk membolehkan akses perlindungan yang lebih meluas dan mampan, serta menyokong kapasiti pasaran untuk mengunderait risiko tersebut pada tahap premium atau sumbangan yang lebih mampan.

Sekian, terima kasih.